

Tutup



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian Official



sinarharianonline



Sinar Harian Official

>> KHAS > COVID-19 > Penamatan libatkan klinik swasta dari PICK untuk tempoh sementara

Penamatan libatkan klinik swasta dari PICK untuk tempoh sementara

|| 26 Ogos 2021



Gambar hiasan - Foto fail Bernama

A⁻ A⁺

KUALA LUMPUR - Penamatan penglibatan pengamal perubatan am swasta (GP) dari Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di Lembah Klang, diputuskan setelah meneliti pelbagai faktor seperti kapasti Pusat Pemberian Vaksin (PPV) jumlah vaksin, bekalan vaksin, dan bilangan penduduk yang masih perlu diimunisasi.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataan bersama pada Khamis berkata, keputusan yang diambil untuk tempoh sementara waktu itu sejajar dengan cara PICK dilaksanakan, iaitu dengan mengusahakan agar kadar vaksinasi dicatatkan pada kadar tinggi secepat yang mungkin.

Menurut kenyataan itu kadar vaksinasi itu kemudiannya akan menurun secara berperingkat apabila semakin ramai menerima suntikan vaksin Covid-19.

Sebelum ini, media melaporkan lebih 700 klinik swasta dihentikan penglibatannya dari PICK dan ramai menggesa keputusan itu dipertimbangkan semula bagi membantu kelancaran program imunisasi negara.

Menurut KKM dan MOSTI, penglibatan GP yang bermula sejak Mei lepas telah menyumbang kepada kejayaan operasi lonjakan kapasiti baru-baru ini yang telah menyaksikan sebahagian besar penduduk Lembah Klang divaksin.

"Sehingga kini 1,688 daripada kira-kira 7,000 GP di seluruh Malaysia terlibat dalam PICK. Pada 24 Ogos 2021, daripada 32,212,527 dos vaksinasi yang diberikan di seluruh negara di bawah PICK, hampir 1,087,813 juta dos telah diberikan oleh GP.

"Jumlah ini ialah 3.4 peratus daripada keseluruhan vaksin yang diberi di bawah PICK. Selain GP, terdapat 471 organisasi lain yang terdiri daripada hospital swasta, tempat persendirian dan industri yang terlibat dalam PICK," katanya.

Kenyataan itu memaklumkan terdapat pelbagai jenis PPV yang melibatkan pengamal perubatan swasta iaitu PPV Pengamal Am, GPV Klinik Pakar, PPV Hospital Swasta, PPV Pusat Lagaan Ambulatori, PPV Integrasi, PPV Industri dan usaha-usaha

Paling Terkini: Buktikan pencapaian dalam masa 100 hari ✕

PICK vaksin KKM

Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang


Apakah reaksi anda? 2 votes

Powered by **Vuukle**




100%

Gembira




0%

Biasa Jer




0%

Terhibur




0%

Teruja



0%

Marah



0%

Sedih

Artikel Berkaitan



KHAS

Gesagerakkan semua sumber awam, swasta percepat program vaksin

by



KHAS

PM harap lebih banyak GLC, NGO bantu jayakan PICK

by



KHAS

Covid-19: 552,862 lengkapkan dua dos suntikan vaksin

by



KHAS

Peruntukan RM5 bilion untuk 32 juta dos vaksin tidak benar

by RAJA NUR FAZNIE AIDA



KHAS

879,384 individu
lengkapkan dua dos
vaksin Covid-19

by



KHAS
905,271 individu
lengkap dua dos
vaksin Covid-19

by

TERKINI | POPULAR

- | | |
|---|---|
| 1 | Buktikan pencapaian dalam masa 100 hari |
| 2 | Kabinet perlu bertindak pantas, bersepadu |
| 3 | Tiada jawatan TPM, Ismail Sabri ikuti langkah Muhyiddin |
| 4 | Agong berkenan menteri kabinet angkat sumpah Isnin ini |
| 5 | City gantung Mendy |

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Langgan

Faedah semula jadi untuk mengatasi masalah prostat

litraprost | Sponsored

Meraka Yang Lahir Pada Tahun 1941-1981 Berhak Mendapat Faedah ini di Selangor

urvey Compare | Sponsored

Hilangkan segala kesakitan di seluruh badan tanpa sebarang rawatan!

ERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored